

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1993/94

Oktober/November 1993

RPK 231 - Teori Dan Amalan Perancangan

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT Soalan Sahaja. DUA dari Bahagian A dan DUA lagi dari Bahagian B.

BAHAGIAN A - Jawab DUA Soalan Sahaja.

1. Bincangkan tinjauan asas dan sumber maklumat yang diperlukan semasa menjalani kajiselidik perumahan.

(25 markah)

2. Menurut Margaret Roberts di dalam bukunya " An Introduction to Town Planning Techniques ",

Perancangan adalah terdiri daripada membuat pilihan antara opsyen-opsyen yang terbuka pada masa hadapan, kemudian memastikan perlaksanaannya yang mana ber-gantung kepada peruntukan sumber-sumber yang ber-sesuaian.

Bincangkan kenyataan ini dan apakah kaitannya dengan peranan jururancang ?

(25 markah)

3. Apakah kategori-kategori yang terdapat didalam perancangan ?
Bincangkan kaitan diantara mereka.

(25 markah)

4. Bincangkan bagaimana penggunaan kajian penduduk berguna didalam kajiselidik-kajiselidik seperti riadah, industri dan membeli-belah.

(25 markah)

- 2 -

BAHAGIAN B - Jawab DUA Soalan Sahaja.

5. Apakah Penzonan? Terangkan keistimewaan penzonan dalam perancangan bandar dan bagaimana ianya dikuatkuasakan dengan membuat rujukan kepada mana-mana bandar yang anda ketahui.

(25 markah)

6. Merujuk kepada Akta 172, apakah yang dimaksudkan dengan Rancangan Pemajuan? Nyatakan proses penyediaan Rancangan Tempatan bagi sesebuah kawasan dalam mana-mana Kuasa Tempatan.

(25 markah)

7. Amalan perancangan dalam dekad yang lalu telah banyak berubah. Perancang-perancang bandar memerlukan pendedahan kepada kepakaran dan kemahiran yang baru. Dengan berpandukan kepada perkara-perkara yang timbul dan yang akan datang akan memberi kesan kepada amalan perancangan negara ini. Huraikan apakah kepakaran dan kemahiran baru yang sesuai bagi Perancang-perancang bandar dalam menyediakan diri mereka kearah pencapaian wawasan 2020.

(25 markah)

8. Tulis nota ringkas dengan memberi contoh-contoh ke atas perkara-perkara berikut:

- a) Rancangan Struktur dan Rancangan Tempatan.
- b) Jawatankuasa Perancangan Negeri dan Lembaga Rayuan.
- c) Zon Perancangan dan Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA).
- d) Anjakan dan Garis Bangunan.
- e) FMS. CAP 137 dan Akta 172.

(25 markah)

-00000000-